

18/07/1997

Pelabur Malaysia didik anak watan Laos

Faizal Fadzil

MASALAH pelabur asing mengaut keuntungan tanpa memikirkan pembangunan dan kebajikan negara tuan rumah menjadi amalan lumrah di kalangan usahawan tamak.

Pelabur Malaysia sendiri adakalanya menerima tanggapan serupa berikutan tindakan segelintir peniaga yang gelojoh mengaut keuntungan mencemarkan imej negara di kalangan masyarakat perdagangan antarabangsa.

Tidak hairan jika pemimpin negara sering mengungkapkan nasihat supaya usahawan tempatan tidak melalaikan tanggungjawab sosial terhadap negara tuan rumah.

"Pelaburan Malaysia di negara asing mesti bersifat dua hala. Di samping kita mengaut keuntungan, kita juga harus membantu pembangunan di negara itu," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di hari terbuka Aidilfitri di kediaman rasminya, Februari lalu.

Bagaimanapun, tidak semua pelabur Malaysia berfikiran cetek. Di Laos, misalnya, usahawan negara menyedari tanggungjawab membantu negara itu membebaskan diri daripada cengkaman kategori negara paling mundur yang menjadi asaran kerajaan negara itu menjelang tahun 2020.

Peniaga Malaysia yang bertapak di negara itu turut melaksanakan tanggungjawab sosial dengan tidak mengabaikan keperluan rakyat tempatan.

Laos sebuah negara mundur tetapi tetap beruntung kerana masih mempunyai rakyat berjiwa bersih serta gigih berdikari membina kehidupan sendiri di tanah air mereka.

Itulah harta paling berharga buat sebuah negara yang ingin melangkah ke alam pembaharuan.

Sememangnya modal kewangan adalah perkara pokok paling penting tetapi melatih manusia supaya lebih bijak mengendalikan wang adalah perkara paling utama.

Menyedari hal itu, pelabur Malaysia ada yang membuka sekolah pengurusan untuk melatih rakyat Laos menguruskan ekonomi mereka.

"Usahawan Malaysia di Laos bukan jenis pelabur koboi - kaut dan lari. Peniaga kita membuat pelaburan jangka panjang di samping membantu memberi sumbangan kemanusiaan dan sosial kepada masyarakat negara ini.

"Justeru, syarikat Malaysia mempunyai imej yang baik. Begitu juga imej kerajaan berikutan peranan aktif kepemimpinan Dr Mahathir," kata Duta Malaysia ke Vientiane, Tai Kat Meng.

Kenyataan Tai sukar disangkal jika diteliti sumbangan lebih 12 syarikat Malaysia yang berdaftar dengan kedutaan negara, milik penuh atau usaha sama, yang sehingga Mei lalu sudah membuat pelaburan modal kira-kira RM806.7 juta (AS\$322,684,000) itu.

Sejak mengembangkan sayap ke negara ini mulai 15 September 1992 apabila United Plymill and Sawmill bertapak di negara itu, syarikat Malaysia mula berbakti kepada negara yang didiami 4.9 juta penduduk itu.

Syarikat Malaysia menyumbang sebanyak RM500,000 untuk membiaya pemeliharaan sebuah Taman Malaysia berdekatan dengan Monumen Annousavary, di tengah-tengah bandar Vientiane selama enam bulan untuk menambah keindahan kota negara itu.

Di samping itu, syarikat Malaysia juga memberi sumbangan RM37,500 kepada muzium di Vientiane, menderma troli bernilai RM30,000 kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Wattay di Vientiane; RM25,000 bagi kegiatan sukan kebangsaan, sumbangan bantuan banjir RM25,000 dan memberi pampasan kepada program pemindahan semula petani di negara itu.

"Setiap tahun kami memperuntukkan 400,000 kips (kira-kira RM1,000) untuk melaksanakan pelbagai kegiatan kebajikan di negara ini.

"Ia bergantung kepada acara tahunan itu. Adakalanya kami menyumbang baju, makanan dan selimut untuk golongan cacat. Kami juga merancang untuk menyumbang kepada sekolah daif," kata Tay Hong Heng, Pengurus Besar, Public Bank Berhad cawangan Vientiane, ketika ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Tay yang genap setahun di negara itu pada 1 Julai lalu berkata, bank itu juga menghantar dua pegawainya berbangsa Laos menjalani latihan pengurusan di Malaysia, selain membiayai kursus bahasa Inggeris bagi kakitangan di Vientiane.

Seramai 13 kakitangan bertugas di bank itu yang mana 10 daripadanya adalah rakyat Laos.

Bagi anak watan Melaka, Cecilia Kanan, mendidik anak bangsa negara itu supaya mahir berbahasa Inggeris dan bijak dalam pengurusan menjadi satu sumbangan bermakna terhadap negara itu. Bersama suaminya, Mehraban Khosrow Farahmand, seorang warga Thailand, dan seorang lagi rakyat Malaysia, Mayisuren Ellapen, membuka Malaysian School of Management and Education pada 1993.

Kini, sekolah itu dikenali sebagai Unity School of Management and Education bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai yang menganggap sekolah itu mengajar pengurusan Malaysia.

"Cita-cita jangka panjang kami ialah untuk menjadikan sekolah ini universiti swasta yang pertama di Laos," katanya yang kini mempunyai 120 penuntut tetap di kalangan generasi muda Laos di samping syarikat swasta lain yang menghantar kakitangan mereka secara kontrak.

Langkah Cecilia membuka sekolah bahasa Inggeris dan pengurusan itu secocok dengan matlamat Kerajaan Laos mengukuhkan penguasaan bahasa komunikasi Asean itu di kalangan generasi muda di samping melahirkan pentadbir muda yang berketrampilan.

HIPA Heavy Machinery Supplies Co Ltd (HIPA) yang mula beroperasi secara rasmi di negara itu sejak Disember 1995 juga menekankan kepentingan insentif dari segi latihan dan pengurusan di dalam dan luar Laos kepada lebih 55 kakitangannya di bandar Vientiane dan Pakse yang mana 52 adalah rakyat Laos.

"Kami menawarkan latihan kepada mekanik dan operator mesin yang kami eksport ke negara ini.

"Setakat ini, kita jalankan seminar alat ganti dan perkhidmatan di Pakse, bandar di selatan Laos, untuk mendidik kakitangan kami bagaimana untuk mengendalikan alat ganti dan mendapatkan perkhidmatan susulan (backup service) dan sebagainya.

"Malah seorang pemimpin bertaraf jeneral di negara ini berterima kasih kerana selama ini semua peralatan dijual kepada kami tanpa perkhidmatan sokongan," kata Julius W M Wong, Pengurus Besar HIPA di negara itu.

Setakat ini, HIPA menghantar 10 kakitangan berbangsa Laos menerima latihan teknikal di Singapura, di samping menghantar kakitangan lain ke Unity School and Management untuk belajar bahasa Inggeris dan pengurusan pejabat bagi meningkatkan keberkesanan komunikasi dan pengurusan.

"Kami memperuntukkan RM75,000 (AS\$30,000) untuk menghantar kakitangan berkursus ke luar Laos," katanya.

Berdasarkan pengalaman usahawan Malaysia di Laos, menuai bakti di samping meraih keuntungan bukan satu tindakan yang merugikan. Imej negara tetap terpelihara, bakti peniaga dikenang juga.

(END)